

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI TUAN GURU HAJI ABDUL HADI
AWANG [MARANG]**

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan segera bagi mengesan
tekong-tekong tempatan yang disyaki bersubahat dalam kes penyeludupan
PATI dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Tindakan pelaksanaan Operasi Bersepadu seperti Ops Benteng yang melibatkan ATM, PDRM, APMM serta agensi penguatkuasaan yang lain dilakukan dalam mengekang kemasukan PATI dan mengesan tekong-tekong tempatan yang disyaki bersubahat dalam kes penyeludupan PATI.

Semenjak pelaksanaan Ops Benteng yang bermula pada 1 Mei 2020, jumlah tangkapan sehingga 4 Julai 2020 adalah seramai 1,215 PATI dan 215 tekong telah ditahan. Pihak PDRM juga telah membuat 68 Sekatan Jalan Raya di bawah Ops Benteng dan memeriksa 42,336 kenderaan bagi mengekang kemasukan PATI yang diwartakan di bawah Akta Imigresen 1959/1963.

Kerajaan juga telah mempertingkatkan usaha dengan mengoptimumkan penggunaan aset termasuk menempatkan lebih ramai anggota PGA di pos statik dan pos sementara di sepanjang sempadan bersama-sama agensi penguatkuasaan yang lain bagi mengatasi masalah penyeludupan PATI secara besar-besaran dengan menyekat lorong-lorong tikus yang wujud. Penggunaan teknologi yang lebih canggih seperti radar dan dron juga sedang dipertimbangkan dalam usaha yang lebih strategik bagi memperkasa kawalan dan penguatkuasaan sempadan darat dan sempadan maritim negara.